

Isnin – 16 Disember 2019

Halaman : 12

**Gua Musang:** Unit Udara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), semalam melakukan penerbangan ihsan untuk membawa seorang remaja masyarakat Orang Asli yang patah tangan kanan dan paha kiri mendapatkan rawatan di Hospital Gua Musang (HGM).

Mangsa Seli Alang, 14, dari Pos Belatim yang parah akibat terjatuh dari pokok rambutan menaiki helikopter Unit Udara JBPM pada jam 12.55 tengah hari.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara JBPM Pangkalan Subang, Mohd Farhan Marzuki berkata, helikopter itu berlepas dari Pangkalan Subang pada jam 11.30 pagi.

Beliau berkata, terdahulu pada jam 9 pagi pihaknya menerima laporan berhubung kecederaan dialami re-

## *Penerbangan ihsan bantu remaja jatuh pokok rambutan*



SELI patah tangan kanan dan paha kiri dikejarkan ke Hospital Gua Musang dengan penerbangan ihsan Unit Udara JBPM.

maja itu daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Gombak.

"Difahamkan mangsa parah selepas terjatuh dari po-

kok dua hari lalu (Jumaat), namun ahli keluarganya mengalami kesukaran untuk menghantarnya ke hospital menggunakan laluan darat.

"Dilaporkan laluan ke Pos Belatim rosak teruk berikutan musim hujan dan tidak boleh dilalui semua jenis kenderaan," katanya.

Mohd Farhan berkata, helikopter membawa mangsa selamat mendarat di Perkarangan Balai Bomba dan Penyelamat Gua Musang jam 1.30 tengah hari.

Katanya, Selina yang dilaporkan dalam keadaan stabil diiringi ibunya, Alug Alig, 55, dan diantar ke HGM menggunakan ambulans JBPM.

Sementara itu, Alug ketika ditemui berkata, anaknya terjatuh dari pokok rambutan berdekatan rumahnya jam 5 petang Jumaat lalu.